

### PENTING/PENAFIAN

**INI IALAH PRODUK AKAUN PELABURAN YANG TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET-ASET PENDASAR, DAN BUKAN PRODUK DEPOSIT.**

#### HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca dan fahami Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum membuat permohonan dan memutuskan untuk menerima Akaun Pelaburan Berjangka (TIA-i). Juga pastikan yang anda membaca terma dan syarat umum.

Maklumat yang diberikan hanyalah berkaitan dengan maklumat am produk ini. Terma-terma dan syarat-syarat dinyatakan di dalam Helaiian Pendedahan Produk ialah bersifat tentatif/jangkaan dan boleh berubah pada bila-bila masa. Sebarang perubahan akan dimaklumkan kepada Pemegang Akaun Pelaburan terlebih dahulu.

#### NAMA PRODUK:

**AKAUN PELABURAN BERJANGKA (TIA-i)  
PROMOSI TIA-i**

*(Bermula pada 13 Disember 2022 – 4 January 2023)*

**PRODUK INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN  
INSURANS DEPOSIT MALAYSIA (“PIDM”)**

### MAKLUMAT RINGKAS PRODUK

#### 1. Apakah Produk Ini?

|  |  |
|--|--|
| <b>Kontrak Syariah yang Digunakan</b>  | TIA-i ialah akaun pelaburan berjangka berdasarkan kontrak perkongsian keuntungan ( <i>Mudarabah</i> ).   |
| <b>Jenis Produk</b>  | Produk ini diklasifikasikan di bawah Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA). UA merujuk kepada sejenis pelaburan di mana pelabur, yang juga dikenali sebagai Pemegang Akaun Pelaburan (“IAH”), memberikan mandat kepada Bank untuk membuat keputusan pelaburan mutlak tanpa menyatakan sebarang sekatan dan/atau syarat khusus. |
| <b>Pihak-pihak yang terlibat di dalam aktiviti pelaburan, tugas-tugas serta tanggungjawab mereka</b> | Pihak-pihak yang terlibat ialah IAH sebagai pemberi modal dan Bank sebagai usahawan. Bank yang bertindak sebagai pengurus dana akan menguruskan aktiviti pelaburan bagi pihak IAH. Di bawah produk ini, IAH tidak akan terlibat dalam sebarang aktiviti pelaburan.   |

### KESESUAIAN PRODUK

#### 2. Siapakah Yang Sesuai Dengan Produk Ini?

|                          |  |
|--------------------------|--|
| <b>Jenis Pelanggan</b>   | i. Individu;<br>ii. Perniagaan Tunggal.  |
| <b>Objektif Pulangan</b> | Bertujuan untuk menjana pulangan yang stabil dan konsisten sepanjang tempoh pelaburan yang telah dipersetujui melalui aktiviti pelaburan yang berisiko rendah dan sederhana. |

**CIRI-CIRI UTAMA PRODUK**
**3. Saya Melabur Dalam Apa?**

|  |  |
|--|--|
| <b>Strategi Pelaburan</b>              | Dana ini akan dilaburkan dalam kualiti terpilih aset pembiayaan patuh Syariah iaitu Pembiayaan Rumah-i, Pembiayaan Peribadi-i dan Pembiayaan Bertempoh-i Perbankan Korporat Perniagaan dalam HLISB   |
| <b>Jumlah Minimum Pelaburan</b>        | RM2,000 (Ringgit Malaysia Dua Ribu)  |
| <b>Tempoh Pelaburan</b>                | 3 bulan, 6 bulan dan 12 bulan  |
| <b>Nisbah Perkongsian Untung (PSR)</b> | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Sebarang keuntungan yang diperoleh daripada TIA-i dikongsi antara IAH dan Bank mengikut Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) yang telah dipersetujui bersama sebanyak 85:15 untuk Tiga (3) bulan, enam (6) bulan dan dua belas (12) bulan.</li> <li>● PSR juga boleh berubah dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Terma-terma dan Syarat-syarat, Bank akan memberikan notis terlebih dahulu kepada IAH, sebelum sebarang Terma-terma dan Syarat-syarat yang baru dilaksanakan dan berkuatkuasa melalui saluran perhubungan Bank yang biasa digunakan.</li> <li>● Sekiranya lebih keuntungan dijana daripada TIA-i melebihi kadar keuntungan yang dijangka, IAH bersetuju untuk melepaskan hak terhadap keuntungan tersebut di bawah prinsip Syariah, iaitu Tanazul. Lebihan keuntungan akan dimiliki oleh Bank. Tanazul merujuk kepada pelepasan hak untuk menuntut apa yang sepatutnya ditetapkan (dalam konteks ini ialah keuntungan yang melebihi kadar keuntungan indikatif).</li> <li>● Di bawah konsep mudarabah, keuntungan akan dikongsi di antara IAH dan Bank mengikut PSR yang telah dipersetujui bersama. Kerugian pula akan ditanggung sepenuhnya oleh IAH manakala Bank sebagai Pengurus Dana akan mengalami kerugian dari segi masa dan usaha sepanjang pelaburan dijalankan dan bukan dalam bentuk kewangan. Bank akan menanggung kerugian kewangan sekiranya kerugian tersebut berpunca daripada salah laku, kecuaiian atau pelanggaran terma tertentu oleh pihak Bank.</li> </ul> |
| <b>Kaedah Pembayaran Keuntungan</b>    | <ul style="list-style-type: none"> <li>● Pembayaran keuntungan dikira secara harian dan dikreditkan pada tarikh matang (Contoh: tiga (3) bulan, enama (6) bulan atau dua belas (12) bulan).</li> <li>● Pembayaran keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i/Akaun Simpanan-i ("CASA-i") Hong Leong Islamic Bank ("HLISB") / Akaun Semasa/Akaun Simpanan ("CASA") Hong Leong Bank Berhad ("HLB") milik IAH berdasarkan PSR yang telah dipersetujui.</li> </ul>  |
| <b>Fi dan Caj</b>                      | Tiada  |

**Pelaburan Semula /  
Pembaharuan Secara  
Automatik**

1. IAH mempunyai pilihan untuk memilih ciri pembaharuan yang berikut:
  - Dengan Pembaharuan Secara Automatik:
    - a) Modal sahaja (P) – Keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i/CASA milik IAH; atau
    - b) Modal berserta keuntungan (P+p).
  - Tanpa Pembaharuan Secara Automatik –Modal dan keuntungan akan dikreditkan ke dalam CASA-i/ CASA milik IAH pada tarikh matang.
2. Pembaharuan Secara Automatik tidak dikira sebagai transaksi aktif. Wang yang disimpan dalam akaun pelaburan dengan pembaharuan automatik akan dipindahkan ke Pendaftar Wang Tak Dituntut (RUM) selepas tujuh (7) tahun pembaharuan automatik.
3. Pembaharuan Secara Automatik bagi promosi ini adalah tertakluk kepada kadar indikatif semasa HLISB yang digunapakai semasa pembaharuan dilakukan.

**Contoh Pengiraan Keuntungan**

Contoh pengiraan keuntungan harian adalah seperti jadual di bawah.  
(Angka hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja)

|                                 |                         |   |                               |
|---------------------------------|-------------------------|---|-------------------------------|
| <b>Tarikh Pelaburan</b>         | <b>13 Disember 2022</b> | <b>Nisbah Perkongsian Untung (PSR)</b>            | <b>Pelanggan : Bank 85:15</b> |
| <b>Modal (Jumlah Pelaburan)</b> | <b>RM 50,000</b>        | <b>Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan</b> | <b>3.80% setahun*</b>         |
| <b>Tarikh Matang</b>            | <b>13 Mac 2023</b>      | <b>Tempoh Pelaburan</b>                           | <b>3 bulan</b>                |

Nota :

- Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan = Nisbah Perkongsian Untung x Keuntungan Kasar
- Pengiraan Keuntungan = Modal x Peratusan Pulangan kepada Pelanggan x Bilangan Hari / 365

Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan =  $RM\ 50,000 \times 3.80\% \times 90/365 = \mathbf{RM468.49}$

\* Kadar indikatif tertakluk pada perubahan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") yang hanya akan terpakai bagi langganan baru selepas perubahan kadar OPR.

|                                 |                         |   |                               |
|---------------------------------|-------------------------|---|-------------------------------|
| <b>Tarikh Pelaburan</b>         | <b>13 Disember 2022</b> | <b>Nisbah Perkongsian Untung (PSR)</b>            | <b>Pelanggan : Bank 85:15</b> |
| <b>Modal (Jumlah Pelaburan)</b> | <b>RM 50,000</b>        | <b>Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan</b> | <b>4.00% setahun*</b>         |
| <b>Tarikh Matang</b>            | <b>13 Jun 2023</b>      | <b>Tempoh Pelaburan</b>                           | <b>6 bulan</b>                |

Nota :

- Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan = Nisbah Perkongsian Untung x Keuntungan Kasar
- Pengiraan Keuntungan = Modal x Peratusan Pulangan kepada Pelanggan x Bilangan Hari / 365

Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan =  $RM\ 50,000 \times 4.00\% \times 182/365 = \mathbf{RM\ 997.26}$

\* Kadar indikatif tertakluk pada perubahan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") yang hanya akan terpakai bagi langganan baru selepas perubahan kadar OPR.

|                                 |                         |   |                               |
|---------------------------------|-------------------------|---|-------------------------------|
| <b>Tarikh Pelaburan</b>         | <b>13 Disember 2022</b> | <b>Nisbah Perkongsian Untung (PSR)</b>            | <b>Pelanggan : Bank 85:15</b> |
| <b>Modal (Jumlah Pelaburan)</b> | <b>RM 50,000</b>        | <b>Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan</b> | <b>4.05% setahun*</b>         |
| <b>Tarikh Matang</b>            | <b>13 Disember 2023</b> | <b>Tempoh Pelaburan</b>                           | <b>12 bulan</b>               |

Nota :

- Peratusan Pulangan Bersih kepada Pelanggan = Nisbah Perkongsian Untung x Keuntungan Kasar
- Pengiraan Keuntungan = Modal x Peratusan Pulangan kepada Pelanggan x Bilangan Hari / 365

Keuntungan Dibayar kepada Pelanggan = RM 50,000 x 4.05%\* x 365/365 =  
**RM 2,025.00**


\* Kadar indikatif tertakluk pada perubahan Kadar Dasar Semalaman ("OPR") yang hanya akan terpakai bagi langganan baru selepas perubahan kadar OPR.

|                              |   |
|------------------------------|---|
| <b>Pengeluaran Pramatang</b> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengeluaran sebahagian adalah tidak dibenarkan.</li> <li>2. Pengeluaran Pramatang dibenarkan dengan syarat yang berikut: <ol style="list-style-type: none"> <li>2.1 tiada keuntungan akan diberikan sekiranya TIA-tidak mencapai tempoh matang yang telah ditentukan.</li> </ol> </li> </ol>  |
| <b>Pembukaan Akaun</b>       | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Untuk pemilik CASA-i / CASA sedia ada, langganan TIA-i boleh dibuat melalui HLB Connect.</li> <li>2. Untuk bukan pemilik CASA-i / CASA, IAH dikehendaki membuka CASA-i di kaunter HLISB / HLB. IAH akan diberi akses kepada HLB Connect untuk melanggan TIA-i.</li> </ol>   |
| <b>Pengeluaran TIA-i</b>     | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pengeluaran TIA-i hanya boleh dibuat melalui HLB Connect.</li> <li>2. Jumlah pengeluaran tersebut akan serta-merta dikreditkan ke dalam akaun CASA-i (HLISB) / CASA (HLB) pelabur.</li> <li>3. Pihak Bank boleh menggantung sebarang pengeluaran di bawah keadaan-keadaan berkecuali (cth: pelanggaran kontrak, kegagalan pasaran secara menyeluruh, dsb.) dan/atau bertindak untuk menjaga kepentingan pelabur.</li> </ol> |
| <b>Perlindungan PIDM</b>     | Produk ini tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM").   |

#### 4. Apakah Kemungkinan Hasil Daripada Pelaburan Saya?

1. Pelabur berpotensi untuk menerima pulangan yang lebih tinggi berbanding deposit berjangka, bergantung kepada prestasi aset pendasar pelaburan.
2. Modal dan pulangan pelaburan adalah tidak dijamin sekiranya TIA-i mengalami kerugian atau tidak mencapai prestasi yang dijangkakan.

- **Sejarah Prestasi Dana**



Graf menunjukkan Pulangan Kasar sebelum Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) untuk Akaun Pelaburan Berjangka-i dari Mac 2019 sehingga Disember 2021. Pulangan Kasar ialah jumlah pulangan yang diperolehi daripada pelaburan dalam aset pembiayaan sebelum pengagihan keuntungan antara pihak pelabur dan Bank.

Untuk laporan mendalam tentang prestasi dana TIA-i, anda boleh merujuk kepada Laporan Prestasi Dana (Runcit) untuk Suku Tahunan TIA-i yang diterbitkan di <https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/manage-my-wealth/term-investment-account-i.html?icp=hlisb-en-all-menu-txt-terminvesti>

**Penafian:**

Graf di atas menunjukkan pulangan kasar lepas dana dari Mac 2019 hingga Disember 2021 dan ia bukanlah gambaran sebenar prestasi akan datang.

- **Jangkaan Keuntungan & Kerugian (Bagi Pelaburan sebanyak RM 50,000)**

| Simulasi Pasaran Terbaik  |                       | Simulasi Pasaran Terburuk                                       |                     | Simulasi Pasaran Asas   |                       |
|---|-----------------------|---|---------------------|---|-----------------------|
| <b>Tarikh</b>   | <b>Feb 2020</b>       | <b>Tarikh</b>   | <b>Feb 2020</b>     | <b>Tarikh</b>   | <b>Feb 2020</b>       |
| <b>OPR</b>  | Meningkat<br>50 **bps | <b>OPR</b>  | Menurun<br>75 **bps | <b>OPR</b>  | Meningkat<br>25 **bps |
| <b>Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 12 bulan</b> | *3.25%                | <b>Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 12 bulan</b> | *2.00%              | <b>Kadar Keuntungan Pelabur untuk tempoh pelaburan 12 bulan</b> | *3.00%                |
| * Angka hanya untuk tujuan ilustrasi<br>** 1bps = 0.0001        |                       | * Angka hanya untuk tujuan ilustrasi<br>** 1bps = 0.0001        |                     | * Angka hanya untuk tujuan ilustrasi<br>** 1bps = 0.0001        |                       |

\*Pengiraan dilaksanakan berdasarkan andaian bahawa Kadar Keuntungan Indikatif untuk Pelabur selama tempoh 12 bulan ialah 2.75%.

**Nota:**

Senario Pasaran Terbaik dan Terburuk adalah berdasarkan kepada data tertinggi (26 April 2006) dan terendah (8 Ogos 2005) Kadar Dasar Semalaman ("OPR") Bank Negara Malaysia ("BNM") dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu, iaitu kenaikan /penurunan OPR diandaikan memberi kesan langsung kepada pulangan portfolio (iaitu peningkatan 25 mata asas (bps) atau penurunan 55 mata asas (bps) kepada pulangan Akaun Pelaburan), dan dengan semua faktor lain tidak berubah.

**PENILAIAN**

**Bank akan membuat penilaian ke atas aset-aset pendasar Dana selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS 9") yang akan dilaksanakan secara bulanan.**

Laporan prestasi Dana akan disediakan bersama penyata suku kewangan di semua cawangan dan disiarkan melalui laman sesawang di <https://www.hlisb.com.my/IA-i>

**RISIKO UTAMA**
**5. Apakah Risiko Utama Yang Berkaitan Dengan Produk Ini?**

|   |  |
|---|--|
| <b>(a) Risiko Kehilangan Modal</b>            | Pelaburan mempunyai risiko berlaku pengurangan kepada nilai asal pelaburan. Bagi menguruskan risiko ini, Bank hanya akan melaburkan dana dalam portfolio aset pembiayaan yang berisiko rendah dan menerapkan standard/tetapan pengurusan pelaburan yang kukuh. Pengimbangan semula portfolio boleh dilaksanakan untuk memastikan aset-aset yang tidak sesuai dengan strategi dan objektif dana pengimbangan semula.  |
| <b>(b) Risiko Pasaran</b>                     | Risiko Pasaran ialah kemungkinan pelabur akan mengalami kerugian atas faktor-faktor yang boleh menjejaskan prestasi keseluruhan pasaran kewangan, yang secara tidak langsung akan menjejaskan prestasi aset-aset pendasar utama. Bank akan memantau dan menguruskan pendedahan kepada risiko pasaran dengan menggunakan sistem pengurusan risiko yang sedia ada. Ini bagi membolehkan Bank menguruskan kedudukan dana secara efektif berdasarkan rangka kerja risiko yang telah diluluskan.  |
| <b>(c) Risiko Kecairan</b>                    | Risiko Kecairan ialah risiko Bank berkemungkinan tidak dapat memenuhi permintaan pengeluaran jangka masa pendek daripada IAH. Berdasarkan kepada rekod aktiviti pengeluaran yang terdahulu, Bank akan menjalankan 'stress test' dan membangunkan kaedah bagi mengurangkan risiko kecairan. Ketidaksamaan aliran tunai berdasarkan tempoh matang akan dianalisa dan dipantau di bawah rangka kerja kecairan sebagaimana yang dinyatakan oleh BNM. Potensi kerugian yang terhasil daripada risiko kecairan ke atas IAH akan mengakibatkan pulangan yang lebih rendah dan potensi nilai modal asal berkurangan. |
| <b>(d) Risiko Kredit</b>                      | Risiko ini boleh terjadi apabila sejumlah besar daripada aset pendasar dana mengalami kegagalan. Ini akan diuruskan oleh Bank dengan pemilihan secara teliti aset yang berpotensi dan berkelayakan, serta pengawasan yang rapi ke atas prestasi aset-aset yang terpilih untuk memastikan pelaburan tersebut selari dengan strategi dan objektif dana.  |
| <b>(e) Risiko Keputusan Pelaburan</b>         | Risiko ini berlaku sekiranya peruntukan aset untuk dilaburkan tidak sejajar dengan pergerakan pasaran. Oleh itu, pemilihan yang teliti dan tadbir urus yang ketat akan dilaksanakan oleh Bank dalam proses membuat keputusan.  |
| <b>(f) Risiko Tidak Patuh Pengawalseliaan</b> | Situasi ini berlaku apabila pelaburan gagal mematuhi parameter yang ditetapkan oleh pengawal selia yang berkenaan. Risiko ini akan diuruskan oleh Bank melalui pelaksanaan polisi dan prosedur Bank secara keseluruhannya.   |
| <b>(g) Risiko Tidak Patuh Syariah</b>         | Risiko ini berlaku apabila Bank gagal untuk mematuhi peraturan dan prinsip Syariah sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM atau Jawatankuasa Syariah Bank. Bank akan memantau perkara ini dengan panduan daripada Jawatankuasa Syariah Bank untuk memastikan pelaburan tersebut mematuhi peraturan dan prinsip Syariah.  |
| <b>(h) Risiko Negara</b>                      | Kestabilan ekonomi dan politik sesuatu negara boleh mempengaruhi pertumbuhan dan prestasi aset pelaburan.  |
| <b>(i) Risiko Industri / Sektor</b>           | Setiap industri/sektor terdedah kepada pelbagai elemen risiko. Oleh itu, kepelbagaian aset dan pemilihan teliti terhadap sesuatu industri/sektor adalah penting bagi Bank dalam menguruskan risiko tersebut.   |

Anda dinasihatkan untuk berhati-hati mempertimbangkan semua faktor risiko sebelum membuat keputusan pelaburan.



**MAKLUMAT PERHUBUNGAN**
**6. Apa Yang Perlu Dilakukan Jika Saya Menukar Maklumat Hubungan?**

Penting bagi anda untuk memberitahu kami mengenai sebarang perubahan pada maklumat hubungan anda untuk memastikan bahawa semua komunikasi sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh mengemas kini maklumat hubungan anda melalui HLB Connect.

**7. Siapa Yang Perlu Saya Hubungi Jika Ingin Membuat Aduan?**

1. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, kebimbangan atau komen sila hubungi, e-mel atau faks kami di:

**Service Recovery & Complaint Resolution - Customer Experience**

Hong Leong Islamic Bank Berhad,  
 13A Floor, Menara Hong Leong,  
 No 6, Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara,  
 50490 Kuala Lumpur.  
**Telefon:** 03-7626 8899 **Faks:** 03-7946 8888 **E-mel:** [HLOnline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:HLOnline@hlbb.hongleong.com.my)

2. Jika anda tidak berpuas hati dengan keputusan proses penyelesaian pertikaian, sila rujuk kepada Bank Negara Malaysia di:

**Bank Negara Malaysia LINK atau BNMTLELINK**

**Alamat** : Laman Informasi Nasihat dan Khidmat (LINK), Bank Negara Malaysia, P.O Box 10922, 50929 Kuala Lumpur.  
**Telefon** : 1-300-88-5465  
**Faks** : 03-2174 1515  
**E-mel** : [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

Bagaimana saya ingin membuat pelaburan untuk TIA-i?

**Ikut langkah-langkah ini untuk melanggan Akaun Pelaburan Berjangka-i**


Log masuk ke  
[www.hongleongconnect.my](http://www.hongleongconnect.my)



Klik 'Apply' > 'Investment Account-i'  
 > 'Create Account/New Subscription'



Lengkapkan bahagian  
 'Suitability Assessment' untuk  
 menilai profil risiko anda



Pilih 'Term Investment Account-i'  
 dan klik 'Subscribe'



Pilih 'Yes' daripada menu  
*drop-down* > masukkan butiran  
 langganan dan klik 'Next'



Masukkan TAC dan klik 'Submit'.  
 Simpan resit untuk rujukan.

**PERINGATAN**

**PULANGAN DARIPADA AKAUN PELABURAN INI DIPENGARUHI OLEH PRESTASI ASET PENDASAR. PRINSIPAL DAN PULANGAN TIDAK DIJAMIN DAN PELANGGAN MENGHADAPI RISIKO TIDAK MENDAPAT SEBARANG PULANGAN. JIKA PELABURAN INI DITEBUS AWAL, PELANGGAN MUNGKIN AKAN KEHILANGAN SEBAHAGIAN ATAU KESEMUA JUMLAH PRINSIPAL YANG DILABURKAN. AKAUN PELABURAN INI TIDAK DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM").**

*Maklumat di dalam helaian pendedahan ini sah 8 Disember 2022*